

NO. SOALAN: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH

PAIRIN KITINGAN

[KENINGAU – BN PBS]

TARIKH : 16 NOVEMBER 2017

NO. SOALAN : 25

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramaikah pelarian Rohingya yang telah tiba dan telahpun diterima tinggal dalam negara Malaysia.

39

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan Malaysia bukan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan/atau Protokol 1967 dan tidak mengiktiraf status "pelarian". Oleh itu, Kerajaan Malaysia tidak menerima mana-mana "pelarian" etnik Rohingya, Myanmar untuk tinggal secara tetap di negara ini.

Namun demikian, atas dasar-dasar kemanusiaan, "pelarian" yang memegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Pelarian (UNHCR) dibenarkan untuk tinggal di Malaysia buat sementara waktu sahaja sebelum mereka dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga. Secara prinsipnya, segala perbelanjaan mereka di sini adalah ditanggung oleh UNHCR.

Berdasarkan statistik pejabat UNHCR di Kuala Lumpur, **sehingga 30 September 2017**, terdapat seramai **62,153 orang pemegang kad UNHCR** etnik Rohingya, Myanmar di Semenanjung Malaysia.

Daripada jumlah ini, seramai **53,811 orang** adalah "pelarian", dan seramai **8,342 orang** merupakan pemohon suaka.

Sekian, terima kasih.